

23 JUL 1999

Law-Persidangan

MUSA DAN SASTERAWAN NIGERIA BERUCAP PADA PERSIDANGAN UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam dan pemenang hadiah Nobel dan aktivis hak asasi Nigeria, Wole Soyinka ialah antara 160 penceramah dan pembentang kertas kerja pada Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 yang akan berlangsung di Petaling Jaya antara 13 Sept dan 16 Sept ini.

Presiden Majlis Peguam R.R. Chelvarajah berkata Musa yang juga bekas pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, akan berucap mengenai "Deklarasi Harare" manakala Soyinka akan bercakap mengenai "Demokrasi, Kebebasan dan Individu".

Penceramah utama lain ialah Lord Woolf, seorang pengasas perubahan litigasi sivil dan Fali Nariman, peguam terkemuka India yang mengendalikan kes Bhopal.

Bercakap pada sidang berita di sini hari ini, Chelvarajah berkata Clive Nicholls yang kini membela bekas presiden Chile Jeneral Augusto Pinochet di England dan Peguam Negara India Soli Sorabjee akan juga berucap pada persidangan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan dan juga dijangka meraikan peserta pada jamuan malam.

"Persetujuan Perdana Menteri itu adalah satu bukti sokongan dan kerjasama kerajaan kepada persidangan yang pasti akan membawa prestij kepada negara," katanya.

Persidangan itu merupakan antara acara terbesar membabitkan bidang perundangan di negara ini dengan mengumpulkan lebih daripada 1,000 peguam, hakim, ketua hakim negara, peguam negara dan menteri undang-undang dari 30 negara.

Setakat ini 12 ketua hakim negara dan lima peguam negara sudah mengesahkan penyertaan selain 29 penceramah dari United Kingdom, sembilan (Australia), 14 (India, Sri Lanka, Bangladesh), sembilan (Kepulauan Caribbean), 18 (Singapura), enam (Kanada), 16 (Afrika) dan 40 dari Malaysia.

Antara penceramah dari Malaysia ialah anggota Parlimen yang juga peguam jenayah terkenal, Karpal Singh yang akan bercakap mengenai "hukuman mati".

Walaupun tidak terdapat topik khusus mengenai undang-undang Malaysia sepanjang persidangan itu, Chelvarajah berkata ia mungkin ditimbulkan semasa sesi perbincangan mengenai undang-undang secara am.

Antara tajuk yang akan dibincangkan adalah mengenai alam sekitar, hak asasi manusia, AIDS dan undang-undang, pentadbiran korporat dan profesion perundangan pada abad ke-21.

Selain itu akan berlangsung mesyuarat Ketua Hakim Negara Komanwel, mesyuarat agensi undang-undang Komanwel dan Persatuan Peguam-peguam Muda.

Malaysia adalah negara Asia ketiga selepas India dan Hong Kong menjadi tuan rumah persidangan itu.

-- BERNAMA

AR LAT MAI